

Pelajar bergaduh dibuang sekolah

Kosmo 13/7/09 MBE

KUALA TERENGGANU - Rakaman aksi pelajar perempuan bergaduh di sebuah surau di Ketengah Jaya, Dungun mengundang padah buat mereka.

Satu sumber memberitahu *Kosmo!*, dua daripada pelajar itu sudah dibuang sekolah manakala dua lagi masing-masing digantung persekolahan selama tiga hari dan dua minggu.

Ujarnya, tindakan terhadap tiga pelajar tingkatan dua dan seorang

pelajar tingkatan satu itu berkuat kuasa semalam.

Menurut sumber itu lagi hukuman itu dikenakan oleh pihak pentadbiran sekolah tempat keempat-empat pelajar itu bersekolah.

"Tindakan itu dikenakan selepas pihak sekolah mendapat rakaman pergaduhan yang dirakam mereka itu pada bulan Jun lalu," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

Bagaimanapun, nasib seorang lagi pelajar yang turut sama da-

lam rakaman itu tidak diketahui.

"Pelajar itu belajar di sebuah sekolah lain yang jaraknya kira-kira dua kilometer dari sekolah empat pelajar itu," katanya.

Jelas sumber itu lagi, hukuman tersebut menyebabkan ada ibu bapa pelajar terbabit tidak puas hati dan mempersoalkan kelewatan pihak sekolah mengambil tindakan yang seolah-olah mahu menganiaya anak mereka.